

Kerajaan sedia guna ISA — PM

Oleh AMRAN MULUP

UM 22/7/2020

KUALA LUMPUR 21 Julai — Kerajaan tidak akan teragak-agak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mereka yang didapati cuba menimbulkan huru-hara di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan sebenarnya tidak suka menggunakan ISA tetapi demi keselamatan negara, undang-undang itu terpaksa digunakan.

Merujuk peristiwa rombakan senjata di Gerik. Perak 2 Julai lalu, katanya, kerajaan sebelum itu memandang ringan seolah-olah tiada kejadian buruk berlaku biarpun kumpulan Al-Ma'unah menyusun pergerakan mereka untuk menggulingkan kerajaan.

"Sebenarnya semasa mereka (kumpulan Al-Ma'u-

nah) mengiklankan pergerakan mereka dalam *Harakah* (akhbar Pas) supaya (individu) menyertai gerakan mereka, kita pandang ringan seolah-olah tiada sesuatu yang buruk akan berlaku.

"Oleh itu, (sekarang) kita tidak boleh tunggu sehingga kejadian buruk berlaku, baru ambil tindakan. Kita sudah lihat apa yang terjadi, apabila kita relaks," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini, malam ini.

Dalam kejadian pada 2 Julai lalu, sekumpulan 15 anggota kumpulan Al-Ma'unah merompak 119 pelbagai jenis senjata dan 5,000 peluru dari kern tentera di Gerik.

Kejadian itu berakhir dengan 27 anggota kumpulan itu, termasuk 15 yang merompak senjata berkenaan, menyerahkan diri kepada pasukan keselamatan pada 6

Julai di tempat persembunyian mereka di hutan Bukit Jenalek, Sauk, kira-kira 25 kilometer dari Kuala Kangsar.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan akan terus mengawasi gerakan-gerakan subversif seperti insiden di Gerik dengan lebih serius termasuk mereka yang cuba menghasut untuk tindakan ganas.

"Kita akan mengawasi orang yang cuba menghasut supaya rusuhan berlaku dan kita akan pastikan rusuhan itu tidak berlaku," katanya.

Ditanya sama ada kenyataannya itu bermakna ISA akan digunakan ke atas mereka yang cuba mengugut keamanan negara, katanya: "Itu kita belum tentukan ISA tetapi ia memang undang-undang negara. Kita tidak akan melanggar undang-undang. Undang-undang masih ada cuma kita tidak suka nak menggunakannya."

Mengenai kemungkinan penggunaan ISA oleh kerajaan akan dijadikan isu oleh pembangkang untuk menghentam kerajaan, Dr. Mahathir berkata:

"Orang asing mengancam kerajaan kerana menggunakan ISA. ISA adalah undang-undang ciptaan British dahulu. Kita ambil undang-undang itu dan iamasih undang-undang negara yang sah dan kita berhak menggunakannya dalam keadaan-keadaan tertentu, ke atas orang yang cuba menjejaskan negara."

Ditanya sama ada kerajaan akan mengharamkan kumpulan Al-Ma'unah, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengambil tindakan tergesa-gesa.

"Kita kena mengkajinya.

"Kita tak buat sesuatu tanpa alasan. Kita terpaksa ambil masa untuk mendapatkan maklumat dan saksi yang cukup," katanya.